

22 APR 2002  
China-Lawat/I  
NAIB PRESIDEN CHINA AKAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Naib Presiden China Hu Jintao tiba di sini esok bagi lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bagi tujuan menjalin hubungan dua hala yang lebih erat di antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan Wisma Putra yang dikeluarkan di sini hari ini, ia merupakan lawatan pertama ke Malaysia oleh Naib Presiden China itu yang akan diiringi oleh isterinya, Liu Yongqing.

Delegasi 65 anggota beliau termasuk Naib Menteri Hal Ehwal Luar dan Naib Menteri Suruhanjaya Perancangan Pembangunan Negara.

Menurut Wisma Putra, pemimpin China itu dijangka akan membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa kepentingan bersama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu.

Beliau juga dijangka akan bertemu dan membincangkan pelbagai isu yang menjadi perhatian bersama dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada hari yang sama. Lawatan beliau adalah atas jemputan Timbalan Perdana Menteri.

Ketibaan Naib Presiden China itu di sini esok akan disambut oleh Abdullah yang kemudiannya akan menganjurkan jamuan malam bagi meraikan beliau.

Pada Rabu, Hu akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail pada sebelah pagi sebelum menyampaikan ucapan pada satu majlis yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan Strategik Asia (Asli).

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Asli dan Majlis Penggalakkan Perdagangan Antarabangsa China (CCPIT) bagi penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-China.

Beliau juga akan bertemu kakitangan dan pegawai Kedutaan China di sini dan menghadiri jamuan malam yang dianjurkan oleh Dr Mahathir di Seri Perdana.

Beliau akan berlepas ke Pulau Pinang bagi lawatan sehari pada Khamis sebelum berlepas ke Singapura dan kemudiannya Amerika Syarikat.

-- BERNAMA  
DC ZS RHM